



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

**PROGRAM SARJANA MUDA DAN DIPLOMA PENGAJIAN SEPARUH MASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
~~ SOALAN-SOALAN LAZIM ~~**

PERMOHONAN KEMASUKAN

1. Apakah program yang ditawarkan di SPACE UTM secara Pengajian Separuh Masa?

Terdapat dua program yang ditawarkan iaitu :

- Program Sarjana Muda
- Program Diploma

Sila rujuk [e-Brosur](#) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan senarai program yang ditawarkan mengikut pusat pembelajaran bagi sesuatu sesi kemasukan.

2. Bilakah pengambilan pelajar akan dibuka?

Sesi pengambilan pelajar dilakukan dua kali setahun bagi Program Sarjana Muda dan Diploma seperti berikut :

Program Sarjana Muda

Perkara	Semester Ambilan
Pengambilan Semester Pertama	September
Tempoh Permohonan	Jun hingga Julai
Pengambilan Semester Kedua	Februari
Tempoh Permohonan	November hingga Disember

Program Diploma

Perkara	Semester Ambilan
Pengambilan Semester Pertama	Jun
Tempoh Permohonan	Mac hingga April
Pengambilan Semester Kedua	November
Tempoh Permohonan	Ogos hingga September

3. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?

Permohonan adalah secara atas talian di laman sesawang <https://space.utm.my/admission/>

4. Adakah setiap program ditawarkan pada setiap sesi pengambilan?

Penawaran program bagi setiap ambilan dan pusat pembelajaran adalah bergantung kepada kelulusan fakulti.

Sila rujuk [e-Brosur](#) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan senarai program yang ditawarkan mengikut pusat pembelajaran bagi sesuatu sesi kemasukan.

5. Apakah syarat kemasukan untuk memohon program ini?

Syarat kemasukan setiap program adalah merujuk kepada Syarat Umum Universiti dan Syarat Khas Kemasukan Program.

Maklumat lanjut berkenaan syarat kemasukan bagi sesuatu program, boleh didapati di laman sesawang <https://space.utm.my/bachelor-degree-programme/> (Sarjana Muda) dan <https://space.utm.my/diploma-study/> (Diploma).

6. Adakah boleh memohon program yang ditawarkan sekiranya masih belum menduduki atau masih belum mendapat keputusan Malaysian University English Test (MUET)?

Calon layak memohon walaupun tanpa MUET. Walaubagaimanapun calon perlu mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET) dalam tempoh 2 tahun pertama pengajian.

7. Adakah program-program yang ditawarkan secara Pengajian Separuh Masa diiktiraf oleh Badan Professional dan MQA?

Program-program yang dijalankan secara Pengajian Separuh Masa adalah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional berkaitan seperti Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, Lembaga Juruukur Tanah Malaysia, Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia serta Lembaga Perancang Bandar Malaysia.

8. Apakah mod Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pengajian Separuh Masa?

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melibatkan 100% pertemuan secara bersemuka.

9. Bolehkah lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan Apel A mengikuti program Sarjana Muda Separuh Masa?

Bermula sesi kemasukan 2021/2022 lepasan DVM dan Apel A (tahap 6) layak memohon bagi program-program tertentu.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan syarat kemasukan DVM dan APEL A (Tahap 6) bagi program yang berkaitan, sila layari laman sesawang <https://space.utm.my/bachelor-degree-programme/> (Sarjana Muda).

10. Apakah sumber-sumber pembiayaan kewangan yang boleh dipohon untuk pengajian?

Pelajar boleh memohon pembiayaan melalui pelbagai sumber kewangan seperti pinjaman PTPTN, pengeluaran akaun KWSP, Yayasan Negeri, Angkasa (penjawat awam), pinjaman peribadi di institusi perbankan, i-Affin pembiayaan pendidikan, Lembaga Zakat Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam (penjawat awam), majikan dan mana-mana sumber pinjaman yang lain.

11. Bagaimana memohon pengeluaran KWSP?

Pelajar boleh membuat permohonan pengeluaran KWSP secara atas talian di laman sesawang <https://www.kwsp.gov.my/>

12. Bagaimana memohon pinjaman PTPTN?

Pelajar boleh memohon pinjaman PTPTN secara atas talian dengan mengisi borang permohonan di laman sesawang <https://www.ptptn.gov.my> Pelajar yang ingin memohon pembiayaan daripada PTPTN perlu memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak PTPTN. Pihak SPACE akan membuat pengesahan status pengajian pelajar bagi urusan pengesahan pembayaran daripada PTPTN pada setiap semester.

13. Siapa tenaga pengajar bagi Pengajian Separuh Masa?

Tenaga pengajar bagi program ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah UTM yang terdiri daripada Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan pensyarah-pensyarah yang berpengalaman.

14. Adakah pengalaman bekerja diperlukan bagi mengikuti Pengajian Separuh Masa?

Pengalaman bekerja diperlukan sekiranya calon tidak mencapai syarat kelayakan minimum bagi sesuatu program Sarjana Muda dan Diploma.

Maklumat lanjut berkenaan syarat kemasukan bagi sesuatu program, boleh didapati di laman sesawang <https://space.utm.my/bachelor-degree-programme/> (Sarjana Muda) dan <https://space.utm.my/diploma-study/> (Diploma).

15. Berapa lama tempoh pengajian program bagi Pengajian Separuh Masa UTM?

Program	Tempoh Minimum Pengajian
Sarjana Muda	4.5 Tahun
Diploma	3.5 Tahun

	Diploma	Sarjana Muda
Jumlah Kredit Program	90 hingga 96	131 hingga 140
Beban Kredit :		
Semester I	10	10
Semester II	10	10
Semester III	6	6
Tempoh Pengajian (Minimum)*	3.5 Tahun	4.5 Tahun
Tempoh Pengajian (Maksimum)	9 Tahun/ 18 Semester	10 Tahun/ 20 Semester

* Tempoh minimum pengajian adalah bergantung kepada jumlah pengecualian/ perpindahan kredit yang diluluskan bagi sesuatu program.

16. Bilakah waktu kuliah bagi setiap semester pengajian?

Sesi perkuliahan dijalankan pada hujung minggu dalam semester mengikut pusat-pusat pembelajaran seperti berikut :

Templat Johor Bahru

MINGGU	TARIKH	JUMAAT					SABTU				
		0830-1030	1100-1300	1430-1630	1800-1900	2000-2300	0830-1030	1100-1300	1400-1600	1630-1830	2000-2200
Minggu 1	14 Okt - 15 Okt										
Minggu 2	21 Okt - 22 Okt										
Minggu 3	28 Okt - 29 Okt										
Minggu 4	04 Nov - 05 Nov										
Minggu 5	11 Nov - 12 Nov										
Minggu 6	18 Nov - 19 Nov										
Minggu 7	25 Nov - 26 Nov										
Minggu 8	02 Dis - 03 Dis										
Minggu 9	09 Dis - 10 Dis										
Minggu 10	16 Dis - 17 Dis										
Minggu 11	23 Dis - 24 Dis										
Minggu 12	30 Dis - 31 Dis										
Minggu 13	06 Jan - 07 Jan										
Minggu 14	13 Jan - 14 Jan										
Minggu 15	20 Jan - 21 Jan										
	22 Jan - 04 Feb	Minggu Ulangkaji									
	05 Feb - 24 Feb	Minggu Peperiksaan Akhir									

Templat negeri bagi cuti hujung minggunya pada Sabtu dan Ahad.

MINGGU	TARIKH	SABTU					AHAD			
		0830-1030	1100-1300	1400-1600	1630-1830	2000-2200	0830-1030	1100-1300	1400-1600	1630-1830
Minggu 1	15 Okt - 16 Okt									
Minggu 2	22 Okt - 23 Okt									
Minggu 3	29 Okt - 30 Oct									
Minggu 4	05 Nov - 06 Nov									
Minggu 5	12 Nov - 13 Nov									
Minggu 6	19 Nov - 20 Nov									
Minggu 7	26 Nov - 27 Nov									
Minggu 8	03 Dis - 04 Dis									
Minggu 9	10 Dis - 11 Dis									
Minggu 10	17 Dis - 18 Dis									
Minggu 11	24 Dis - 25 Dis									
Minggu 12	31 Dis - 01 Jan									
Minggu 13	07 Jan - 08 Jan									
Minggu 14	14 Jan - 15 Jan									
Minggu 15	21 Jan - 22 Jan									
	23 Jan - 04 Feb	Minggu Ulangkaji								
	05 Feb - 24 Feb	Minggu Peperiksaan Akhir								

Templat negeri bagi cuti hujung minggunya pada Jumaat dan Sabtu.

MINGGU	TARIKH	JUMAAT					SABTU			
		0830-1030	1100-1300	1430-1630	1700-1900	2000-2200	0830-1030	1100-1300	1400-1600	1630-1830
Minggu 1	14 Okt - 15 Okt									
Minggu 2	21 Okt - 22 Okt									
Minggu 3	28 Okt - 29 Okt									
Minggu 4	04 Nov - 05 Nov									
Minggu 5	11 Nov - 12 Nov									
Minggu 6	18 Nov - 19 Nov									
Minggu 7	25 Nov - 26 Nov									
Minggu 8	02 Dis - 03 Dis									
Minggu 9	09 Dis - 10 Dis									
Minggu 10	16 Dis - 17 Dis									
Minggu 11	23 Dis - 24 Dis									
Minggu 12	30 Dis - 31 Dis									
Minggu 13	06 Jan - 07 Jan									
Minggu 14	13 Jan - 14 Jan									
Minggu 15	20 Jan - 21 Jan									
	22 Jan - 04 Feb	Minggu Ulangkaji								
	05 Feb - 24 Feb	Minggu Peperiksaan Akhir								

Catatan :




Warna yang sama adalah waktu kuliah kursus yang sama manakala putih menunjukkan tiada kuliah pada masa tersebut.

17. Berapakah anggaran yuran pengajian bagi setiap semester?

Jumlah yuran pengajian bergantung kepada bilangan kredit dan jenis kuliah yang diambil bagi sesuatu semester seperti contoh dibawah :

Perkara	Jenis	Kredit	Anggaran Yuran Pengajian		
			UTM (RM)	Luar UTM (RM)	Malaysia Timur (RM)
Yuran Perkhidmatan			270	270	270
Yuran Pengajian SEAA2112	Kuliah Sahaja (K)	2	360	460	520
Yuran Penilaian SEAA2112			40	40	40
Yuran Pengajian SEAA2223	Kuliah Sahaja (K)	3	540	690	780
Yuran Penilaian SEAA2223			40	40	40
Yuran Pengajian SEAA2912	Kuliah Sahaja (K)	2	360	460	520
Yuran Penilaian SEAA2912			40	40	40
Yuran Pengajian SSCE1693	Kuliah Sahaja (K)	3	540	690	780
Yuran Penilaian SSCE1693			40	40	40
Jumlah Keseluruhan			2,230	2,720	3,050

Catatan :

-  UTM : UTM Johor Bahru, Kampus Pagoh dan Kampus Kuala Lumpur.
-  Luar UTM : Pusat Pembelajaran di Semenanjung Malaysia selain Johor Bahru dan Kuala Lumpur.
-  Malaysia Timur : Sabah dan Sarawak.

Kemaskini Pada 22 Mei 2023